

**KESAN PENDEKATAN PERSIDANGAN
TERHADAP PEMBELAJARAN PENULISAN
SEBAGAI KEMAHIRAN KOMUNIKATIF
PADA PERINGKAT SEKOLAH RENDAH
DI INDONESIA**

oleh

TATAT HARTATI

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan
bagi Ijazah Doktor Falsafah**

Disember 2009

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi kerana atas izin, petunjuk dan hidayah-Nya, saya dapat menyelesaikan penulisan tesis ini. Setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada penyelia saya, Profesor Madya Dr. Hashim Othman yang telah membimbing, menyelia dan menunjuk ajar secara profesional dan dedikasi yang tinggi sejak permulaan pengajian dan penyelidikan saya hingga ke peringkat akhir penyediaan tesis.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada Dekan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, iaitu Profesor Dr. Abdul Rashid Mohamed, para pensyarah, khususnya Dr. Nordin Razak dan Dr. Hazri Jamil, serta staf pentadbiran dan sokongan di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan dan Institut Pengajian Siswazah kerana keprihatinan, dorongan, dan bantuan ikhlas kepada saya untuk menyempurnakan penyelidikan ini.

Kepada Departemen Pendidikan Nasional, Universitas Pendidikan Indonesia dan sekolah-sekolah rendah terbabit di Provinsi Jawa Barat, saya merakamkan ucapan terima kasih kerana memberikan kebenaran, izin, sokongan dan kerjasama untuk menjalankan kajian di tengah-tengah beban tugas saya yang berganda.

Kepada Universiti Sains Malaysia, sanjungan dan terima kasih saya ucapkan kerana memberikan ruang dan peluang bagi saya untuk menerokai pelbagai ilmu melalui perpustakaan, Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan; fasiliti kampus dan khidmat staf yang sangat baik. Semoga budi baik dan amalan semua pensyarah dan staf USM mendapat limpahan rahmat daripada Allah SWT. Kebaikan, keikhlasan, dan kemesraan selama saya berada di USM akan selalu kekal dalam ingatan saya.

Kepada rakan-rakan siswazah di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Pusat Pengajian Ilmu Kemasyarakatan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Pusat Pengajian Sains Farmasi, Pusat Pengajian Pengurusan dan Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, saya amat menghargai sokongan dan bantuan rakan-rakan. Dari jauh saya akan sentiasa mengenang dan bersyukur terhadap persahabatan yang mereka hulurkan sepanjang pengajian saya di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Akhir sekali, terima kasih dan penghargaan tidak terhingga untuk keluarga tersayang, Dini, Gita, Ikhsan, Irwan dan Raffi; pengorbanan, dorongan, bantuan dan doa kalian menjadi inspirasi dan motivasi untuk meraih kejayaan keluarga kita kini dan pada masa hadapan.

Terima kasih.

JADUAL KANDUNGAN

HALAMAN

PENGHARGAAN.....	ii
JADUAL KANDUNGAN	iii
LAMPIRAN	viii
SENARAI RAJAH.....	ix
SENARAI JADUAL.....	x
ABSTRAK	xiv
ABSTRACT.....	xvi

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang.....	3
1.3 Pernyataan Masalah.....	10
1.4 Tujuan Kajian	13
1.5 Soalan Kajian.....	14
1.6 Hipotesis Kajian	17
1.7 Kepentingan Kajian	20
1.8 Definisi Operasional	21
1.9 Batasan Kajian	24
1.10 Rumusan	25

BAB 2 TINJAUAN KEPUSTAKAAN

2.1	Pendahuluan.....	27
2.2	Kerangka Teori.....	27
2.2.1	Teori Pembelajaran.....	28
2.2.2	Teori Bahasa.....	31
2.2.3	Teori Pemerolehan dan Pembelajaran Bahasa	33
2.3	Kemahiran Menulis	37
2.3.1.	Tujuan Menulis	40
2.3.2.	Hubungan Menulis dengan Kemahiran Bahasa	43
2.4	Kemahiran Menulis dari Prespektif Komunikatif	47
2.4.1.	Kemahiran Menulis Karangan	47
2.4.2.	Kemahiran Menulis sebagai Kemahiran Komunikatif	49
2.4.3.	Jenis Karangan Pemujukan.....	54
2.4.4.	Jenis Karangan Penerangan.....	58
2.5	Pendekatan Mengajar Kemahiran Menulis.....	61
2.5.1.	Tinjauan Pendekatan Kemahiran Menulis	61
2.5.2.	Pendekatan Persidangan	69
2.5.3.	Pendekatan Konvensional	76
2.6	Model Pendekatan Persidangan	80
2.6.1	Persidangan Guru dengan Kelas	80
2.6.2.	Persidangan Guru dengan Murid	81
2.6.3.	Persidangan Murid dengan Murid	85
2.6.4.	Ciri-ciri Persidangan	86

2.7 . Ciri-ciri Murid Sekolah Rendah.....	87
2.7.1 Perkembangan Kognitif.....	87
2.7 .2 Perkembangan Bahasa Murid Sekolah Rendah.....	89
2.7.3 Perkembangan berdasarkan Pemerolehan Bahasa Ibunda.....	90
2.7.4. Perkembangan Bahasa berdasarkan Jantina	92
2.8 Pembelajaran Kemahiran Menulis di Sekolah Rendah.....	94
2.8 Kajian-kajian yang Berkaitan.....	102
2.10 Rumusan	108

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pendahuluan	112
3.2 Reka Bentuk Kajian.....	112
3.3 Sampel Kajian	115
3.4 Alat Kajian	126
3.4.1 Skema Analisis Karangan.....	126
3.4.2 Rancangan Pengajaran.....	129
3.4.3 Tugas (Soalan Praujian dan Pascaujian).....	131
3.5 Kajian Rintis	132
3.6 Prosedur Kajian	133
3.7 Kaedah Analisis Data	137
3.8 Rumusan	139

BAB 4 ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan	140
4.2 Maklumat Demografi Responden.....	140
4.3 Keputusan Analisis Karangan Jenis Pemujukan.....	141
4.4 Keputusan Analisis Karangan Jenis Penerangan.....	165
4.5 Pola Min Praujian, Pascaujian I dan Pascaujian II Kemahiran Komunikatif Karangan Jenis Pemujukan untuk Kumpulan Rawatan.....	187
4.6 Pola Min Praujian, Pascaujian I dan Pascaujian II Kemahiran Komunikatif Karangan Jenis Pemujukan untuk Kumpulan Kawalan.....	189
4.7 Pola Min Praujian, Pascaujian I dan Pascaujian II Kemahiran Komunikatif Karangan Jenis Penerangan untuk Kumpulan Rawatan.....	190
4.8 Pola Min Praujian, Pascaujian I dan Pascaujian II Kemahiran Komunikatif Karangan Jenis Penerangan untuk Kumpulan Kawalan.....	192
4.9 Rumusan	194

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN IMPLIKASI

5.1. Pendahuluan.....	198
5.2 Ringkasan Dapatan Kajian.....	198
5.3 Perbincangan.....	200
5.3.1 Kesan Pendekatan Persidangan dalam Karangan Jenis Pemujukan Murid Berbeza Jantina dan Bahasa Ibunda dalam Aspek, Sosiolinguistik, Tatabahasa dan Wacana	201
5.3.2 Kesan Pendekatan Persidangan dalam Karangan Jenis Penerangan bagi Murid Berbeza Jantina dan Bahasa Ibunda dalam Aspek, Sosiolinguistik, Tatabahasa dan Wacana	210

5.4 Implikasi Dapatan Kajian.....	219
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	223
5.6. Kesimpulan.....	226
BIBLIOGRAFI	228

Lampiran	Halaman
Lampiran A1: Rancangan Pengajaran Menggunakan Pendekatan Persidangan Pembelajaran Pertama.....	240
Lampiran A2: Rancangan Pengajaran Menggunakan Pendekatan Persidangan Pembelajaran Kedua.....	243
Lampiran A3: Rancangan Pengajaran Menggunakan Pendekatan Persidangan Pembelajaran Ketiga.....	246
Lampiran A4: Rancangan Pengajaran Menggunakan Pendekatan Persidangan Pembelajaran Keempat.....	249
Lampiran A5: Rancangan Pengajaran Menggunakan Pendekatan Persidangan Pembelajaran Kelima	252
Lampiran A6: Rancangan Pengajaran Menggunakan Pendekatan Persidangan Pembelajaran Keenam.....	255
Lampiran B1: Praujian dan Pascaujian Karangan Pemujukan.....	258
Lampiran B2: Praujian dan Pascaujian Karangan Penerangan.....	259
Lampiran C1: Borang Pencerapan Pengajaran Karangan Pemujukan.....	260
Lampiran C2: Borang Pencerapan Pengajaran Karangan Penerangan.....	261
Lampiran D1: Skema Penilaian Karangan Pemujukan.....	262
Lampiran D2: SKema Penilaian Karangan Penerangan.....	264

SENARAI RAJAH

RAJAH	HALAMAN
Rajah 2.1	Hubungan Ilmu Mendidik atau Pembelajaran (Pedagogi) dan Ilmu Bahasa (Linguistik) dan Variabel Penyelidikan111
Rajah 3.1	Prosedur Kajian135
Rajah 4.1	Pola Min Skor bagi Praujian,Pascaujian I dan Pascaujian II Karangan Pemujukan Kumpulan Rawatan..... 188
Rajah 4.2	Pola Min Skor bagi Praujian,Pascaujian I dan Pascaujian II Karangan Pemujukan Kumpulan Kawalan..... 190
Rajah 4.3	Pola Min Skor bagi Praujian,Pascaujian I dan Pascaujian II Karangan Penerangan Kumpulan Rawatan..... 192
Rajah 4.4	Pola Min Skor bagi Praujian,Pascaujian I dan Pascaujian II Karangan Penerangan Kumpulan Kawalan..... 194

SENARAI JADUAL

JADUAL		HALAMAN
Jadual 2.1	Perbezaan Pendekatan Konvensional dan Pendekatan Persidangan	78
Jadual 2.2	Perbezaan Aktiviti Pendekatan Konvensional dan Pendekatan Persidangan	79
Jadual 3.1	Reka Bentuk Penyelidikan.....	113
Jadual 3.2	Perincian Reka Bentuk Penyelidikan	115
Jadual 3.3	Keputusan Analisis Deskriptif Praujian bagi Kumpulan Berbeza Bahasa Ibunda Karangan Pemujukan.....	117
Jadual 3.4	Keputusan Ujian T bagi Perbandingan Murid Berbeza Bahasa Ibunda terhadap Skor Praujian Karangan Pemujukan	119
Jadual 3.5	Keputusan Analisis Deskriptif Praujian bagi Kumpulan Berbeza Jantina Karangan Pemujukan.....	119
Jadual 3.6	Keputusan Ujian T bagi Perbandingan Murid Berbeza Bahasa Jantina terhadap Skor Praujian Karangan Pemujukan.....	121
Jadual 3.7	Keputusan Analisis Deskriptif Praujian bagi Kumpulan Berbeza Bahasa Ibunda Karangan Penerangan.....	121
Jadual 3.8	Keputusan Ujian T bagi Perbandingan Murid Berbeza Bahasa Ibunda terhadap Skor Praujian Karangan Penerangan.....	123
Jadual 3.9	Keputusan Analisis Deskriptif Praujian bagi Kumpulan Berbeza Jantina Karangan Penerangan.....	124
Jadual 3.10	Keputusan Ujian T bagi Perbandingan Murid Berbeza Jantina terhadap Skor Praujian Karangan Penerangan.....	125
Jadual 3.11	Pelaksanaan Penyelidikan Kuasi Eksperimen Kumpulan Rawatan..	136
Jadual 3.12	Soalan Kajian, Bentuk Penulisan, Hipotesis, dan Analisis Statistik..	137
Jadual 4.1 (a)	Maklumat Demografi Responden.....	141
Jadual 4.1 (b)	Pencongan dan Kurtosis Skor Peningkatan untuk Aspek Komunikatif Karangan Pemujukan	142

Jadual 4.2	Ujian Levene bagi Karangan Jenis Pemujukan.....	143
Jadual 4.3	Min dan Sisihan Piawai Perbezaan Skor Sociolinguistik berdasarkan Kumpulan dan Jantina Murid	146
Jadual 4.4	Keputusan Ujian ANOVA Dua Hala bagi Beza Skor Komponen Sociolinguistik antara Kumpulan Kajian dan Jantina Murid	147
Jadual 4.5	Min dan Sisihan Piawai Perbezaan Skor Tatabahasa Berdasarkan Kumpulan dan Jantina Murid	149
Jadual 4.6	Keputusan Ujian ANOVA Dua Hala bagi Beza Skor Komponen Tatabahasa antara Kumpulan Kajian dan Jantina Murid.....	150
Jadual 4.7	Min dan Sisihan Piawai Perbezaan Skor Wacana berdasarkan Kumpulan dan Jantina Murid.....	152
Jadual 4.8	Keputusan Ujian ANOVA Dua Hala bagi Beza Skor Komponen Wacana antara Kumpulan Kajian dan Jantina Murid.....	153
Jadual 4.9	Min dan Sisihan Piawai Perbezaan Skor Sociolinguistik berdasarkan Kumpulan dan Bahasa Ibunda Murid	156
Jadual 4.10	Keputusan Ujian Anova Dua Hala bagi Beza Skor Komponen Sociolinguistik antara Kumpulan Kajian dan Bahasa Ibunda Murid	157
Jadual 4.11	Min dan Sisihan Piawai Perbezaan Skor Tatabahasa berdasarkan Kumpulan dan Bahasa Ibunda Murid	159
Jadual 4.12	Keputusan Ujian Anova Dua Hala bagi Beza Skor Komponen Tatabahasa antara Kumpulan Kajian dan Bahasa Ibunda Murid ...	160
Jadual 4.13	Min dan Sisihan Piawai Perbezaan Skor Wacana berdasarkan Kumpulan dan Bahasa Ibunda Murid	162
Jadual 4.14	Keputusan Ujian ANOVA Dua Hala bagi Beza Skor Komponen Wacana antara Kumpulan Kajian dan Bahasa Ibunda Murid ...	163
Jadual 4.15.	Pencongan dan Kurtosis Skor Peningkatan untuk Aspek Komunikatif Karangan Penerangan	165
Jadual 4.16	Ujian Levene bagi Karangan Jenis Penerangan	166
Jadual 4.17	Min dan Sisihan Piawai Perbezaan Skor Sociolinguistik berdasarkan Kumpulan dan Jantina Murid	168

Jadual 4.18	Keputusan Ujian ANOVA Dua Hala bagi Beza Skor Komponen Sociolinguistik antara Kumpulan Kajian dan Jantina Murid	169
Jadual 4.19	Min dan Sisihan Piawai Perbezaan Skor Tatabahasa berdasarkan Kumpulan dan Jantina Murid.....	171
Jadual 4.20	Keputusan Ujian ANOVA Dua Hala bagi Beza Skor Komponen Tatabahasa antara Kumpulan Kajian dan Jantina Murid.....	172
Jadual 4.21	Beza Skor Kemahiran Wacana Mengikut Jantina	174
Jadual 4.22	Keputusan Ujian ANOVA Dua Hala bagi Beza Skor Komponen Wacana antara Kumpulan Kajian dan Jantina Murid.....	175
Jadual 4.23	Beza Skor Sociolinguistik Mengikut Jantina bagi Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan.....	178
Jadual 4.24	Keputusan Ujian ANOVA Dua Hala yang Memberikan Keputusan Ujian Hipotesis bagi Dua Kesan Utama dan Satu Kesan Interaksi	179
Jadual 4.25	Beza Skor Pelajar Kumpulan Rawatan dan Kawalan Mengikut Kumpulan Bahasa Ibunda Murid	181
Jadual 4.26	Keputusan Ujian ANOVA Dua Hala yang Memberikan Maklumat Hasil Pengujian Hipotesis bagi Dua Kesan Utama dan Satu Kesan Interaksi.....	182
Jadual 4.27	Kumpulan Kajian Mengikut Kumpulan Bahasa Ibunda ke Atas Beza Skor Kemahiran Wacana	184
Jadual 4.28	Keputusan Ujian ANOVA Dua Hala bagi Beza Skor Komponen Wacana antara Kumpulan Kajian dan Bahasa Ibunda Murid.....	185
Jadual 4.29	Min Skor Ujian pada Tiga Masa Berlainan Karangan Pemujukan Kumpulan Rawatan.....	187
Jadual 4.30	Min Skor Ujian pada Tiga Masa Berlainan Karangan Pemujukan Kumpulan Kawalan	189
Jadual 4.31	Min Skor Ujian pada Tiga Masa Berlainan Karangan Penerangan Kumpulan Rawatan.....	191
Jadual 4.32	Min Skor Ujian pada Tiga Masa Berlainan Karangan Penerangan Kumpulan Kawalan.....	192

Jadual 4.33	Rumusan Ujian ANOVA Dua Hala bagi Karangan Jenis Pemujukan.....	195
Jadual 4.34	Rumusan Ujian ANOVA Dua Hala bagi Karangan Jenis Penerangan.....	197

KESAN PENDEKATAN PERSIDANGAN TERHADAP PEMBELAJARAN PENULISAN SEBAGAI KEMAHIRAN KOMUNIKATIF PADA PERINGKAT SEKOLAH RENDAH DI INDONESIA

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti kesan pendekatan persidangan terhadap pembelajaran penulisan karangan pemujukan dan penerangan Bahasa Indonesia dari perspektif komunikatif bagi murid darjah enam sekolah rendah. Kajian ini berbentuk kuasi eksperimen dengan sampel kajian seramai 112 murid, terdiri daripada 50 murid sebagai kumpulan rawatan dan 62 murid kumpulan kawalan dari 2 buah sekolah rendah di Provinsi (Negeri) Jawa Barat, Indonesia. Pelaksanaan kajian meliputi empat tahap, iaitu praujian, proses pembelajaran di dalam kelas, pascaujian I dan pascaujian II. Sampel karangan praujian dan pascaujian diperiksa dengan menggunakan Skema Analisis Karangan Jenis Pemujukan dan Skema Analisis Karangan Jenis Penerangan (Hashim, 2005). Bagi karangan jenis pemujukan, dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan persidangan memberikan kesan yang signifikan dan kuat terhadap perbezaan skor pencapaian murid dalam setiap komponen kemahiran komunikatif, iaitu sosiolinguistik, tatabahasa dan wacana. Namun, tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi kesan utama jantina dan kumpulan bahasa ibunda, dan juga kesan interaksi antara kumpulan bahasa ibunda, dan juga kesan interaksi antara kumpulan (rawatan/kawalan) dengan jantina atau bahasa ibunda. Bagi karangan jenis penerangan dapat dirumuskan bahawa kesan pengajaran persidangan terhadap perbezaan skor pencapaian murid dalam setiap kemahiran komunikatif adalah signifikan. Kesan muatan ini adalah kuat berdasarkan nilai kuasa dua eta yang ditunjukkan dalam analisis *ANOVA*

dua hala. Bagi kesan jantina dan bahasa ibunda, tidak terdapat kesan yang signifikan oleh kedua-dua variabel ini terhadap perbezaan skor murid dalam setiap aspek/komunikatif, walaupun min perbezaan skor pencapaian murid perempuan lebih tinggi daripada lelaki dan min perbezaan skor pencapaian murid berbahasa ibunda bahasa Indonesia lebih tinggi daripada murid berbahasa ibunda bahasa Sunda. Dalam komponen tatabahasa terdapat kesan interaksi yang signifikan terhadap kedua-dua kumpulan serta jantina, dan bahasa ibunda. Dapatan pascaujian II bagi karangan pemujukan dan karangan penerangan menunjukkan adanya peningkatan pemerolehan skor dibandingkan dengan pascaujian I. Hal ini menunjukkan adanya ketekalan pendekatan persidangan terhadap pembelajaran dan penguasaan murid dalam penulisan karangan berdasarkan perspektif komunikatif.

THE EFFECTS OF CONFERENCING APPROACH ON WRITING LEARNING AS COMMUNICATIVE SKILLS AT PRIMARY SCHOOL LEVEL IN INDONESIA

ABSTRACT

The objective of this study is to ascertain the effect of conferencing approach toward the learning of explanatory and persuasive writing of Indonesian language on sixth grade students. The research was quasi experimental studies as the subject were 112 students, consists of 50 students as experimental group and 62 student as control group taken from two elementary school in West Java Province, Indonesia. The study consists of four steps of pretest, classroom learning activities, posttest I and posttest II. The sample of pretest and posttest writing examined by applying Analytical Schemes of Persuasive and Explanatory Writing (Hashim, 2005). The result on persuasive writing indicates conferencing approach gives significant and strong effect toward students' achievement scores in every component of communicative skill that is sociolinguistic, grammar and discourse. On the other hand, there is no significant difference as the effect toward gender and mother tongue. There are also interaction effects between groups of mother tongue, as well as interaction between control group with gender and mother tongue. The result on explanatory writing can be concluded that the effect of conferencing teaching toward the student's achievement scores in every communicative skill is significant. These findings were formulated statistically by analysis of Two Way ANOVA. There is no effect on gender and mother tongue over variables of the students divergence score in every aspects of communicative skill, although mean divergence score of boys are higher than girls and mean divergence scores of students with Indonesian language as mother tongue are higher than students with Sundanese

language as mother tongue. In grammar component there are significant interaction effect on both group, gender and mother tongue. The result of posttest II of persuasive and explanatory writing indicate improvement on scores acquirement compared to posttest I. It shows that there was consistency on conferencing approach toward student's learning and writing competency based communicative prespective.

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Bahasa memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia. Tiga bidang besar dalam kajian bahasa, iaitu ilmu fonetik dan fonologi, morfologi dan sintaksis serta semantik. Semenjak linguistik menjadi disiplin ilmu sendiri, banyak pula bidang kajian lain yang terlibat seperti sosiolinguistik, psikolinguistik, linguistik komputer, linguistik gunaan dan lain-lain (Abdullah Hassan, 2007).

Linguistik gunaan mengkaji linguistik dalam bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa. Dalam bidang ini linguistik digunakan bagi mengkaji kaedah mengajar bahasa, menguji kemahiran bahasa, membentuk bahan mengajar dan sebagainya. Psikolinguistik pula mengkaji penguasaan bahasa. Bidang ini menumpukan perhatian pada pemerolehan bahasa, pengajaran bahasa dan pembelajaran bahasa. Sementara sosiolinguistik mengkaji perancangan bahasa dan fungsi bahasa dalam masyarakat (Chaer 2003; Simanjutak, 1982).

Mengikut pakar sosiolinguistik Wardaugh (dalam Chaer, 2003), bahasa adalah alat komunikasi manusia, baik lisan mahupun tulisan. Fungsi bahasa tersebut meliputi lima fungsi dasar, iaitu fungsi ekspresi, fungsi informasi, fungsi eksplorasi, fungsi persuasi dan fungsi entertaimen (hiburan). Kelima-lima fungsi bahasa tersebut menunjukkan bahawa bahasa ialah alat interaksi sosial, alat menyampaikan gagasan,

alat mengungkapkan perasaan atau memuaskan perasaan batin, seperti rasa senang, kagum, sayang, benci, marah, kecewa, cemas ataupun sedih.

Memandang fungsi bahasa yang sangat luas dan beragam dalam kehidupan manusia maka pengajaran bahasa dikembangkan oleh ahli-ahli linguistik guna berdasarkan kecekapan komunikatif. Istilah kecekapan komunikatif merujuk kepada kefasihan berbahasa, yaitu kebolehan yang meliputi pengetahuan tatabahasa dan penggunaannya dalam latar komunikasi yang dipelajari untuk berkomunikasi. Kecekapan komunikatif merupakan petunjuk kepada potensi penggunaan bahasa seseorang yang kebiasaannya dipengaruhi beberapa gangguan seperti keletihan dan masalah ingatan (Duran, 1988; Hashim, 2003; Hutchinson, 1990).

Kecekapan komunikatif juga sebenarnya ialah pengetahuan tentang ketepatan bentuk dan laras bahasa dalam lingkungan sosial, pengetahuan tentang penyusunan ujaran dan wacana bagi memenuhi tujuan komunikatif dan pengetahuan strategi untuk mengawal proses penggunaan bahasa. Jelasnya dari perspektif komunikatif, kefasihan berbahasa merupakan kecekapan menggunakan pengetahuan tatabahasa mengikut konteks yang dipengaruhi oleh tujuan dan khalayak tertentu. Hal ini seiring dengan fungsi bahasa, iaitu satu wahana perhubungan dan komunikasi antara manusia sebagai penuturnya. Dengan demikian pengajaran bahasa harus dipandang dari sudut dan fungsinya. Murid dilatih untuk memahami makna dan mengungkapkan makna fungsional dan makna sosial. Latihan-latihan komunikasi dalam bentuk dialog (percakapan) atau dalam bentuk penulisan difokuskan pada kecermatan berbahasa, kelancaran berbahasa dan kesesuaian dengan khalayak sasaran berbahasa (Pratomo, 1995).

1.2 Latar Belakang

Penulisan karangan merupakan satu dari kemampuan penting dalam pembelajaran bahasa. Kepentingan penulisan karangan adalah membolehkan murid mengekspresikan idea, memanifestasikan pengetahuan dengan struktur bahasa dan penggunaan bahasa sebenar. Sebagai kemahiran tertinggi dalam tatatingkat kemahiran bahasa, kemahiran menulis dikatakan gabungan kemahiran mekanis dan kognitif, oleh kerana dalam menulis murid harus menemukan persoalan apa yang akan ditulis dan memilih bentuk yang tepat (Hashim, 2003; Odell, 1981). Dengan demikian kemahiran menulis merupakan aktiviti konstruktivis yang memerlukan seseorang terlibat secara aktif dalam proses membentuk makna dan bahasa tulisan. Kemahiran menulis pula dianggap sebagai penyelesaian masalah dengan menggunakan pengetahuan sedia ada yang berasaskan kemahiran kognitif dan strategi tertentu mengikut konteks (Graves, 1994; Hayes dan Flower, 1979). Maka mengajar dan membina kemahiran menulis bukanlah satu perkara yang mudah. Kelemahan murid dalam kemahiran menulis merupakan suatu perkara mendesak dan perlu diberikan perhatian serius (Alwasilah, 2003; Azies dan Alwasilah, 1996; Programme for International Students Assessment (PISA), 2003). Justeru, pelbagai pendekatan pengajaran perlu diteroka dan diuji keberkesannya.

Sejak kehadiran kaedah audiolingual dalam pembelajaran bahasa, terutama pembelajaran bahasa kedua, menulis tidak mendapat tempat yang seharusnya dalam konteks kurikulum dan pengajaran bahasa. Para pakar bahasa cenderung memandang bahasa tulis sebagai perkara kedua penting setelah bahasa lisan yang selalu dijadikan

fokus dan tumpuan pembelajaran (Kurniawan, 2002). Hingga saat ini, jarang sekali ditemukan aspek penguasaan menulis yang dinyatakan dengan jelas sebagai tujuan resmi dalam sukatan-sukatan pengajaran bahasa dari sekolah rendah hingga pengajian tinggi, walaupun aspek kemahiran menulis masih dimasukkan sebagai kemahiran penting dalam ujian-ujian di pelbagai negara (Alwasilah, 2003). Di Indonesia, wujud demikian hampir sama. Dalam sukatan Mata Pelajaran Bahasa dan Sastra Indonesia berdasarkan Kurikulum Berbasis Kompetensi 2004 (Departemen Pendidikan Nasional, 2004), tujuan resmi pembelajaran menulis didapati lebih bersifat umum, iaitu merangkumi aspek jenis-jenis menulis (narasi, deskripsi, eksposisi, argumentasi dan persuasi), menulis laporan dan menulis pelbagai surat, seperti, surat peribadi, wesel pos dan pelbagai borang. Manakala menulis sebagai satu bentuk kemahiran komunikatif belum menjadi fokus pembelajaran.

Demikian pula pembelajaran Bahasa Indonesia pada peringkat sekolah rendah. Berdasarkan Kurikulum Berbasis Kompetensi 2004 Mata Pelajaran Bahasa dan Sastra (Departemen Pendidikan Nasional, 2004) menunjukkan masih adanya kekurangan dan perbezaan antara tujuan pembelajaran, bahan yang diajarkan, pendekatan dan strategi yang digunakan. Dalam Kurikulum 1994 Mata Pelajaran Bahasa dan Sastra Indonesia (Departemen Pendidikan Nasional, 1994) dan Kurikulum Berbasis Kompetensi 2004 Mata Pelajaran Bahasa dan Sastra Indonesia (Departemen Pendidikan Nasional, 2004) jelas menunjukkan bahawa pembelajaran Bahasa Indonesia disampaikan dengan menggunakan pendekatan komunikatif yang bertumpu kepada penguasaan bahasa yang bermakna, fungsional, dan komunikatif. Namun demikian, dalam pelaksanaannya di sekolah-sekolah, khususnya di sekolah rendah,

pendekatan komunikatif belum sepenuhnya dilaksanakan kerana kefahaman guru yang kurang disebabkan kurang penyebaran pengetahuan dan pendekatan pembelajaran dari para pakar pengajaran bahasa (Hartati 2002; Kurniawan, 2002; Warnandi 2004).

Dalam hal ini, Kurniawan (2002) menyatakan bahawa pembelajaran Bahasa Indonesia masih belum berorientasi kepada keperluan murid dan kaedah pembelajaran masih didominasi oleh pendekatan struktural yang sememangnya telah lama digunakan dalam pendidikan di Indonesia. Hal ini menyebabkan rendahnya penguasaan dan retorika menulis di sekolah rendah (Budiyono, 1992) di sekolah menengah (Adidarmojo, 1993) dan pada peringkat pengajian tinggi (Alwasilah, 2005). Ini menjelaskan bahawa kesukaran atau ketidakmampuan dalam menulis karangan termasuk mengungkapkan gagasan secara sistematik berlaku pada semua peringkat pendidikan akibat daripada penggunaan kaedah yang kurang berkesan.

Di Indonesia, khususnya di sekolah rendah, guru masih menggunakan pendekatan struktural yang dianggap masih konvensional kerana aktiviti menulis masih berorientasi pada hasil (produk akhir) tidak mementingkan pengembangan isi atau proses penulisan. Guru tidak memperhatikan fasa pramenulis, semasa menulis dan pascamenulis (Alwasilah, 2006; Hartati, 2006; Kurniawan 2002). Alwasilah (2000; 2005) pula mengatakan bahawa menulis merupakan kemahiran berbahasa yang paling diabaikan sejak sekolah rendah hingga pengajian tinggi, akibatnya kemahiran menulis murid menjadi lemah. Dalam hal ini, kajian Sutari (2006) menunjukkan kelemahan-kelemahan murid di Indonesia dalam penulisan karangan adalah kerana: (i) motivasi menulis, (ii) kesukaran menjana idea, (iii) menggarap konflik, (iv)

menentukan tajuk, (v) tidak berupaya untuk mengolah bahasa dengan baik, dan (vi) mengembangkan idea serta mengakhiri cerita.

Penyelidik Abd.Jalil (2000), Alwasilah (2005), Lubis (1986), Norafandi (2003), dan Sriasih (2005) berpendapat bahawa kemahiran menulis merupakan suatu kemahiran penting yang harus dikuasai oleh semua murid sejak dari bangku sekolah kerana kemahiran ini memerlukan kecekapan mental dan kemahiran sendiri dalam penyampaian maklumat, idea, perasaan dan pendapat. Dalam menulis, terkandung berbagai potensi, seperti menceritakan pengalaman, mengungkapkan perasaan atau gagasan. Dengan mempunyai keterampilan menulis, seseorang dimungkinkan dapat mencapai kejayaan dengan mudah dalam lapangan pekerjaan.

Kajian Britton (1975) menunjukkan keperluan kemahiran menulis dalam pelbagai mata pelajaran yang dipelajari di sekolah-sekolah di Britain. Menurutnya 50 peratus kerja penulisan yang dijalankan di sekolah ditulis untuk penilaian guru. Sementara Flower dan Hayes (1981) banyak mendokumentasikan kajian-kajian proses menulis karangan, antara lain yang dipanggil "Model Penulisan Flower dan Hayes". Berdasarkan model ini, tiga komponen utama yang mempengaruhi penulisan sesebuah karangan ialah persekitaran, ingatan jangka panjang dan proses menulis. Sebelumnya banyak pengkaji Barat yang telah memfokuskan kajian kepada proses menulis yang lebih berorientasi pada hasil menulis (Yusoff, 2004).

Rendahnya kemahiran menulis murid-murid di Indonesia pernah didedahkan dalam suatu kajian literasi (penguasaan membaca dan menulis) antarabangsa bagi murid berumur 15 tahun (PISA, 2003). Berdasarkan kajian PISA (2003), prestasi murid

Indonesia menduduki peringkat ke-39 daripada 42 negara yang dijadikan sampel kajian. Dapatan ini menunjukkan bahawa kemampuan membaca dan menulis murid Indonesia sangat jauh tertinggal bila dibandingkan negara lain, misal dengan negara tetangga Thailand yang menduduki peringkat ke-32. Prestasi literasi murid Indonesia hampir sama dengan prestasi murid Macedonia, dan sedikit di atas prestasi murid Peru dan Albania (PISA , 2003).

Dapatan kajian PISA (2003) mengukuhkan anggapan bahawa kemahiran menulis merupakan kemahiran yang paling sukar dibandingkan dengan kemahiran mendengar dan bertutur dari peringkat sekolah rendah sehingga pengajian tinggi kemahiran menulis atau mengarang belum memuaskan. Menurut Alwasilah (2003), pendidikan di Indonesia dari sekolah rendah sehingga peringkat pengajian tinggi, masih belum berhasil meningkatkan kemahiran menulis dengan berkesan.

Menurut White (1988) penulisan karangan merupakan satu aspek penting sebagai perakam bahasa yang melibatkan fikiran, pengetahuan, teknik, gaya dan kebolehan menggunakan kaedah tatabahasa yang betul. Kemahiran menulis karangan adalah suatu kemahiran yang perlu dikuasai oleh para murid untuk memungkinkannya berkomunikasi dengan berkesan, sama ada dalam bilik darjah atau perserikatan masyarakat secara formal atau tidak formal. Berikutnya Halliday (dalam Nunan, 1992) menjelaskan fungsi menulis dalam kehidupan sehari-hari, iaitu sebagai informasi, panduan tindakan dan sebagai hiburan.

Raimes (1983) menyatakan pula bahawa para murid berkomunikasi bukan sahaja secara lisan tetapi juga secara tulisan. Keperluan ini bukan sahaja untuk

memenuhi sukatan pelajaran, tetapi yang lebih penting kemahiran menulis dapat membantu para murid meneguhkan penggunaan kata, ayat, tatabahasa, idea dan perasaan. Seorang murid bukan sahaja mencuba untuk menyatakan idea-idea baru tetapi juga menitikberatkan bagaimana idea itu dapat dijelaskan melalui perkataan dan ayat yang betul. Proses ini mempunyai hubungan antara menulis dan berfikir untuk menghasilkan penulisan yang berkesan.

Sehubungan itu peranan guru adalah penting untuk menyeimbangkan pembelajaran murid kepada kedua-dua aspek, iaitu isi dan bahasa sebagai hasil proses kognitif murid. Di samping itu munculnya aliran komunikatif dalam pembelajaran bahasa, khususnya menulis menjadikan cabaran bagi guru untuk menerapkan pendekatan tersebut bagi mengatasi kesukaran menulis para murid, khususnya murid sekolah rendah yang baru sahaja diberikan pelajaran menulis atau mengarang.

Ramai ahli bahasa di Indonesia (Alwasilah, 2004; Kurniawan, 2002; Resmini, 2007; Sutari, 2006) berpendapat bahawa kelemahan dalam penulisan karangan, yang berlaku di sekolah rendah kerana guru masih menggunakan pendekatan konvensional bahkan tidak tahu pendekatan atau kaedah yang lain yang boleh digunakan, antaranya pendekatan persidangan, pendekatan proses, pendekatan model dan pendekatan latihan (Byrne, 1979; Kamarudin dan Siti Hajar, 1997).

Menurut Alwasilah (2006) pendekatan konvensional berfokus pada bentuk hasil tulisan bukan pada bagaimana seharusnya murid mengalami proses menulis. Pada amnya murid menulis dan guru memeriksa kesilapan tatabahasa. Menurut beliau pendekatan mekanis seperti ini sangat jelas menyederhanakan proses menulis yang

sesungguhnya melibatkan prinsip-prinsip literasi seperti, membangun pengetahuan, membuat model teks, membangun kerjasama dan belajar sendiri. Di negara Amerika Syarikat, pembelajaran menulis sehingga pertengahan abad lalu prosesnya hampir sama, iaitu: 1) sedikit praktik menulis, 2) dipandu dengan rangka dan tema menulis, 3) diajarkan retorika tulisan deskripsi, narasi, eksposisi dan argumentasi, 4) dibataskan pada pola, tiga hingga lima perenggan, 5) diajarkan pola-pola logika definisi, klasifikasi, perbandingan, perbezaan, 6) diajarkan lewat peniruan terhadap pola tertentu, 7) draf karangan dibetulkan dengan merujuk buku panduan yang lebih berfokus pada latihan ketepatan tatabahasa dan retorika, dan 8) sumber tulisan bersumber dari bacaan sastera (Grabe dan Kaplan, dalam Alwasilah 2006).

Dengan kajian ini, pengkaji mencuba menggunakan pendekatan persidangan dengan keyakinan semua keunggulan pendekatan persidangan dapat membantu murid dalam hal interaksi mereka dengan guru, interaksi sesama murid mulai daripada membicarakan tajuk, isi, draf karangan sehingga penulisan ulang dan publisiti tulisan. Dengan pendekatan persidangan lebih memperhatikan semua murid, baik murid yang unggul mahupun murid yang lemah. Hal ini berbeza dengan pendekatan konvensional yang lebih memfokuskan pada pengembangan isi, idea-idea tanpa memperhatikan individu yang lemah.

Selain menggunakan pendekatan persidangan, kajian ini pula berfokuskan kepada kemahiran menulis komunikatif yang bermaksud membina pengetahuan dan kemahiran membina wacana yang pembinaannya memerlukan tiga komponen kecekapan komunikatif, iaitu komponen sosiolinguistik, komponen wacana dan komponen tatabahasa. Dengan komponen kemahiran komunikatif murid diarahkan

untuk mahir memilih tajuk, khalayak pembaca, laras bahasa yang sesuai (komponen sociolinguistik); demikian pula mereka diarah untuk menggunakan tatabahasa yang baku, seperti penggunaan ayat, erti kata, bentuk kata, ejaan (komponen tatabahasa) dan juga kohesi dan koherensi perenggan (komponen wacana).

Bahagian pendahuluan ini telah membincangkan aspek-aspek yang menjadi latar belakang kepada fokus kajian. Kepentingan kemahiran menulis dan kelemahan murid-murid Indonesia pada peringkat sekolah rendah dalam penulisan karangan dilihat sebagai perkara serius oleh kebanyakan pakar bahasa Indonesia. Situasi ini juga ada kaitannya dengan pendekatan dan kaedah yang digunakan oleh guru di sekolah. Demikian itu pengkaji memilih kajian pendekatan persidangan yang dianggap baru dan memberikan kesan positif terhadap kemahiran murid darjah enam sekolah rendah.

1.3 Pernyataan Masalah

Sukatan mata pelajaran Bahasa dan Sastra Indonesia pada peringkat sekolah rendah berdasarkan Kurikulum Berbasis Kompetensi 2004 Mata Pelajaran Bahasa dan Sastra Indonesia (Departemen Pendidikan Nasional, 2004) mensyaratkan empat kemahiran berbahasa yang perlu dikuasai para murid, iaitu: (1) kemahiran mendengar, (2) kemahiran bertutur, (3) kemahiran membaca dan (4) kemahiran menulis. Keempat-empat kemahiran tersebut menjadi tunjang kearah penguasaan Bahasa Indonesia yang baik dan benar serta menjadi teras untuk penguasaan mata pelajaran lain pada peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah bahkan sehingga pengajian tinggi. Selain itu para murid juga perlu menguasai kemahiran menulis bagi memenuhi keperluan

kehidupan sehari-hari kerana ketika berada di luar kelas mereka perlu berhubung dengan masyarakat sama ada secara formal atau tidak formal (Marohaini, 1989).

Kemahiran menulis adalah kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid kerana penulisan ialah asas saluran komunikasi yang penting. Kemahiran menulis merupakan keperluan asas manusia, seperti halnya makan, minum, tidur dan berpakaian. Manusia harus boleh menulis agar dapat mengendalikan diri melalui kata-kata, terutamanya kata-kata dalam tulisan sehingga menjadi manusia yang mempunyai jati diri dan potensi diri yang maksimum (Elbow, 2007; Goh Ying Soan, 2006).

Daripada keempat-empat kemahiran berbahasa, kemahiran menulis dipandang sebagai kemahiran yang paling sukar oleh kerana aktiviti menulis memerlukan pemikiran yang jelas dan teratur agar seseorang itu dapat menterjemahkan perkara yang ingin dinyatakan dalam mod lisan kepada mod tulisan dengan menggunakan siri ayat yang teratur dan betul (Tarigan, 1984). Di samping itu para murid dituntut pula dapat mengembangkan idea ke dalam bentuk wacana yang melibatkan penyusunan kata dan ayat mengikut selera penulis dan individu atau orang-orang yang berkaitan dengan fungsi tentang perkara yang dituliskan (Kamaruddin dan Siti Hajar, 1997).

Dalam pembelajaran sehari-hari, khususnya di sekolah rendah sering ditemukan murid-murid yang mengalami kesukaran dalam mengembangkan karangan, mengembangkan ayat dan mencari kata-kata yang sesuai untuk melahirkan perasaannya sebaik yang mereka mahukan. Di Indonesia masalah ini sudah dikenal pasti, iaitu murid-murid tidak boleh mengembangkan isi karangan, sehingga hasil peperiksaan mata pelajaran Bahasa dan Sastra Indonesia pada peringkat nasional mahupun peringkat

provinsi (negeri) tidak memuaskan (Alwasilah, 2004; Departemen Pendidikan Nasional, 2003, 2004; Nurjanah, 2005).

Berdasarkan Laporan Departemen Pendidikan Nasional (dalam Suryana, 2005), purata pencapaian markah peperiksaan ujian nasional mata pelajaran Bahasa dan Sastra Indonesia sekolah rendah ialah 5.9, iaitu masih kurang daripada standard pencapaian mata pelajaran Bahasa dan Sastra Indonesia, iaitu markah enam. Demikian pula pencapaian ujian diagnostik mata pelajaran Bahasa dan Sastra Indonesia untuk kawasan negeri Provinsi Jawa Barat, khasnya di Kawasan Kabupaten Bandung tempat penyelidikan ini dilaksanakan, purata markah masih kurang daripada enam (Suryana, 2005).

Mengikut Koh Bon Boon (1980) kelemahan dalam penulisan karangan berlaku kerana para guru masih menggunakan pendekatan konvensional, iaitu pendekatan yang dimulakan dengan guru mengemukakan satu tajuk karangan, diikuti perbincangan mencari isi-isi penting dan seterusnya murid mulai menulis berdasarkan isi yang dibincangkan. Tindakan sebegini tidak berkesan dalam menggalakkan pelajar menulis dan berfikir secara kreatif dan kritis.

Berdasarkan maklumat dan perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa murid-murid sekolah di Indonesia, khususnya pada peringkat sekolah rendah masih menghadapi kelemahan dalam penulisan karangan dan sukar untuk mengembangkan idea, gagasan, pengalaman dalam bentuk tulisan. Keadaan ini juga mempunyai hubungan dengan penggunaan kaedah pembelajaran yang kurang berkesan untuk meningkatkan motivasi, minat, kebolehan dan kemahiran murid dalam menulis karangan.

Justeru, kajian ini dilakukan untuk melihat kesan pendekatan pengajaran penulisan, iaitu pendekatan persidangan terhadap penguasaan kemahiran menulis dalam kalangan murid sekolah rendah. Kemahiran menulis yang dikesan ialah penguasaan tiga komponen kecekapan komunikatif, iaitu kecekapan sosiolinguistik, kecekapan wacana dan kecekapan tatabahasa. Ketiga komponen ini belum menjadi perhatian guru-guru di Indonesia, khususnya di sekolah rendah baik dalam pembelajarannya mahupun dalam aspek penilaiannya. Penilaian menulis dengan menggunakan Skema Analisis Komunikatif masih merupakan penilaian baru dalam pengajaran menulis bahasa Indonesia. Dua jenis karangan yang dianalisis dalam pembelajaran kemahiran menulis komunikatif ini, iaitu karangan jenis penerangan dan jenis pemujukan. Kedua jenis karangan ini dipilih kerana bersesuaian dengan ciri-ciri murid darjah enam dan sukatan mata pelajaran Bahasa dan Sastra Indonesia.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk membandingkan kesan pendekatan menulis karangan dalam pengajaran bahasa Indonesia, iaitu antara pendekatan persidangan dengan pendekatan konvensional dalam tiga aspek kemahiran komunikatif. Kemahiran komunikatif terdiri daripada komponen sosiolinguistik, tatabahasa dan wacana. Jenis karangan yang dikaji terdiri daripada dua jenis karangan, iaitu karangan jenis pemujukan dan karangan jenis penerangan.

Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk:

- 1.4.1 Membandingkan kesan pendekatan pengajaran persidangan dengan pendekatan konvensional dalam karangan jenis pemujukan dalam aspek: sosiolinguitik, tatabahasa dan wacana bagi kumpulan murid berbeza jantina dan bahasa ibunda.
- 1.4.2 Membandingkan kesan pendekatan pengajaran persidangan dengan pendekatan konvensional dalam karangan jenis penerangan dalam aspek: sosiolinguistik, wacana dan tatabahasa bagi kumpulan murid berbeza jantina dan bahasa ibunda.

1.5 Soalan Kajian

Berasaskan tujuan umum dan khusus, berkaitan dengan kesan pendekatan persidangan terhadap kemahiran menulis, kajian ini mencuba menjawab soalan-soalan kajian berikut:

- 1.5.1 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara skor kumpulan rawatan (pendekatan persidangan) dengan skor kumpulan kawalan (pendekatan konvensional) bagi karangan jenis pemujukan bagi murid berbeza jantina dan bahasa ibunda dalam aspek:
 - a. Sosiolinguistik?
 - b. Tatabahasa?
 - c. Wacana?

Berkaitan dengan soalan kajian ini, beberapa soalan kajian dapat diketengahkan, antaranya:

- 1.5.1.1 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara skor kumpulan rawatan (pendekatan persidangan) dengan skor kumpulan kawalan (pendekatan konvensional) bagi karangan jenis pemujukan dari aspek sosiolinguistik bagi murid berbeza jantina dan bahasa ibunda?
- 1.5.1.2 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara skor kumpulan rawatan (pendekatan persidangan) dengan skor kumpulan kawalan (pendekatan konvensional) bagi karangan jenis pemujukan dari aspek tatabahasa bagi murid berbeza jantina dan bahasa ibunda?
- 1.5.1.3 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara skor kumpulan rawatan (pendekatan persidangan) dengan skor kumpulan kawalan (pendekatan konvensional) bagi karangan jenis pemujukan dari aspek wacana bagi murid berbeza jantina dan bahasa ibunda?
- 1.5.2 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara skor kumpulan rawatan (pendekatan persidangan) dengan skor kumpulan kawalan (pendekatan konvensional) bagi karangan jenis penerangan bagi murid berbeza jantina dan bahasa ibunda dalam aspek:
 - a. Sosiolinguistik?
 - b. Tatabahasa?
 - c. Wacana?

Berkaitan dengan soalan kajian nombor ini, beberapa soalan kajian dapat diketengahkan, antaranya:

- 1.5.2.1 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara skor kumpulan rawatan (pendekatan persidangan) dengan skor kumpulan kawalan (pendekatan konvensional) bagi karangan jenis penerangan dari aspek sosiolinguistik bagi murid berbeza jantina dan bahasa ibunda?
- 1.5.2.2 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara skor kumpulan rawatan (pendekatan persidangan) dengan skor kumpulan kawalan (pendekatan konvensional) bagi karangan jenis penerangan dari aspek tatabahasa bagi murid berbeza jantina dan bahasa ibunda?
- 1.5.2.3 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara skor kumpulan rawatan (pendekatan persidangan) dengan skor kumpulan kawalan (pendekatan konvensional) bagi karangan jenis penerangan dari aspek wacana bagi murid berbeza jantina dan bahasa ibunda?
- 1.5.3 Adakah terdapat perbezaan dalam pola pencapaian murid bagi tiga aspek kemahiran menulis komunikatif dalam praujian, pascaujian I dan pascaujian II pada karangan jenis pemujukan?
- 1.5.4 Adakah terdapat perbezaan dalam pola pencapaian murid bagi tiga aspek kemahiran menulis komunikatif dalam praujian, pascaujian I dan pascaujian II pada karangan jenis penerangan?

1.6 Hipotesis Kajian

Kajian ini secara umumnya menguji empat hipotesis utama, iaitu dalam bentuk hipotesis nol. Hipotesis pertama dan kedua untuk menguji kesan rawatan melalui pendekatan persidangan terhadap karangan pemujukan, dan hipotesis ketiga dan keempat untuk menguji kesan rawatan (pendekatan persidangan) terhadap karangan penerangan dibandingkan dengan kesan kawalan (pendekatan konvensional).

Ho 1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor kumpulan rawatan dengan skor kumpulan kawalan dalam karangan jenis pemujukan dari aspek (i) sosiolinguistik (ii) wacana (iii) tatabahasa mengikut jantina murid.

Ho 1.1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor kumpulan rawatan dengan skor kumpulan kawalan bagi karangan jenis pemujukan dari aspek sosiolinguistik mengikut jantina murid.

Ho 1.2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor kumpulan rawatan dengan skor kumpulan kawalan bagi karangan jenis pemujukan dari aspek komponen tatabahasa mengikut jantina murid.

Ho 1.3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor kumpulan rawatan dengan skor kumpulan kawalan bagi karangan jenis pemujukan dari aspek wacana mengikut jantina murid.

Ho 2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor kumpulan rawatan dengan skor kumpulan kawalan bagi karangan jenis pemujukan dari aspek (i) sociolinguistik (ii) tatabahasa (iii) wacana. mengikut bahasa ibunda murid.

Ho 2.1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor kumpulan rawatan dengan skor kumpulan kawalan bagi karangan jenis pemujukan dari aspek sociolinguistik mengikut bahasa ibunda murid.

Ho 2.2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor kumpulan rawatan dengan skor kumpulan kawalan bagi karangan jenis pemujukan dari aspek tatabahasa mengikut bahasa ibunda murid.

Ho 2.3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor kumpulan rawatan dengan skor kumpulan kawalan bagi karangan jenis pemujukan dari aspek wacana. mengikut bahasa ibunda murid.

Ho 3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor kumpulan rawatan dengan skor kumpulan kawalan bagi karangan jenis penerangan dari aspek (i) sociolinguistik (ii) tatabahasa dan (iii) wacana mengikut jantina murid.

Ho 3.1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor kumpulan rawatan dengan skor kumpulan kawalan bagi karangan jenis penerangan dari aspek sociolinguistik mengikut jantina murid.

Ho 3.2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor kumpulan rawatan dengan skor kumpulan kawalan bagi karangan jenis penerangan dari aspek tatabahasa mengikut jantina murid.

Ho 3.3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor kumpulan rawatan dengan skor kumpulan kawalan bagi karangan jenis penerangan dari aspek wacana mengikut jantina murid.

Ho 4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor kumpulan rawatan dengan skor kumpulan kawalan bagi karangan jenis penerangan dari aspek (i) sosiolinguistik (ii) tatabahasa dan (iii) wacana mengikut bahasa ibunda murid.

Ho 4.1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor kumpulan rawatan dengan skor kumpulan kawalan bagi karangan jenis penerangan dari aspek sosiolinguistik mengikut bahasa ibunda murid.

Ho 4.2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor kumpulan rawatan dengan skor kumpulan kawalan bagi karangan jenis penerangan dari aspek tatabahasa mengikut bahasa ibunda murid.

Ho 4.3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor kumpulan rawatan dengan skor kumpulan kawalan bagi karangan jenis penerangan dari aspek wacana mengikut bahasa ibunda murid.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini secara am ditumpukan pada kesan penggunaan pendekatan persidangan terhadap penguasaan kemahiran menulis karangan bahasa Indonesia dalam kalangan murid sekolah rendah. Dapatanannya dapat membantu pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran ini, khususnya guru dan pegawai departemen pendidikan.

Kepada guru sekolah rendah, dapatan kajian ini dapat membantu mereka mengatasi kesukaran murid dalam pembelajaran kemahiran menulis karangan dan mengenal pasti punca kegagalan para murid memperoleh markah yang tinggi dalam mata pelajaran Bahasa Indonesia yang meliputi pelbagai jenis karangan, iaitu karangan pemujukan dan penerangan. Kajian ini juga dapat memberikan maklumat berkaitan pertalian pendekatan pengajaran guru dengan peningkatan penguasaan kemahiran menulis dalam kalangan murid peringkat sekolah rendah.

Guru Bahasa Indonesia turut memperoleh manfaat daripada kajian ini dengan pengetahuan bagi merancang pengajaran menulis yang sistematik berdasarkan pendekatan persidangan bagi membantu penguasaan kemahiran menulis dalam kalangan murid peringkat sekolah rendah. Dalam penilaian karangan, guru dapat menilai hasil karangan murid berdasarkan Skema Pemarkahan Komunikatif yang terdiri dari tiga komponen, iaitu komponen sosiolinguistik, komponen tatabahasa dan komponen wacana.

Selain guru, kajian ini dapat membantu Departemen Pendidikan Nasional, khasnya Dinas Pendidikan Provinsi Jawa Barat dalam menyediakan satu bentuk rancangan

pembelajaran kemahiran menulis karangan berdasarkan pendekatan persidangan. Di samping itu, penilaian penguasaan kemahiran berkenaan dapat dibuat berdasarkan Skema Pemarkahan Komunikatif yang berfokuskan pada tiga komponen utama komunikasi, iaitu sosiolinguistik, wacana, dan tatabahasa.

1.8 Definisi Operasional

1.8.1 Pendekatan Persidangan

Suatu cara mengajar karangan yang berfokuskan kepada murid melalui persidangan dengan tujuan penguasaan kemahiran menulis. Pendekatan ini berlandaskan dua prinsip, iaitu penulisan diajar sebagai suatu proses dan juga mengutamakan aspek kemahiran yang penting, iaitu kemahiran sosiolinguistik, kemahiran wacana, dan kemahiran tatabahasa. Persidangan semasa aktiviti menulis ini boleh berlangsung antara murid dan guru ataupun sesama murid. Secara khusus pendekatan persidangan dalam kajian ini adalah persidangan yang berfokus kepada kemahiran mengarang dalam tiga komponen, iaitu komponen sosiolinguistik, komponen wacana, dan komponen tatabahasa (Hashim,1997; Norafandi, 2003).

1.8.2 Pendekatan Konvensional

Suatu pendekatan yang meletakkan keutamaan terhadap hasil penulisan tanpa menekankan tentang proses-proses yang dilalui oleh seseorang murid sebelum hasil penulisan itu dihasilkan (Alwasilah, 2006; Juriah dan Dayangku Jauyah, 1998).

1.8.3 Kemahiran Menulis Komunikatif

Kemahiran menulis mengikut pendekatan komunikatif ialah perlakuan bahasa sebenar yang terikat dengan faktor konteks. Kemahiran ini terdiri daripada tiga komponen kecekapan, iaitu kecekapan sociolinguistik, kecekapan tatabahasa dan kecekapan wacana (Hashim, 2000; 2003).

1.8.4 Karangan

Suatu bentuk pelahiran idea, perasaan dan fikiran dalam bentuk grafik yang tersusun dan bermakna serta boleh dibaca dan difahami maksudnya. Karangan merupakan suatu perlakuan yang melambangkan penguasaan kecekapan berbahasa yang turut mengandungi kecekapan tatabahasa, kecekapan wacana dan kecekapan sociolinguistik. Karangan dibahagikan kepada tiga jenis mengikut Llyod-Jones (1977), iaitu karangan penerangan, pemujukan dan pelahiran.

1.8.5 Karangan Pemujukan

Karangan jenis ini sudah boleh diberikan pada darjah tinggi sekolah rendah (darjah empat, lima dan enam). Karangan ini bertujuan agar pembaca mengikuti saranan penulis berdasarkan alasan-alasan atau hujah yang disampaikan penulis. Dengan demikian karangan ini berorientasikan kepada khalayak atau pembaca (Keraf, 1994).

1.8.6 Karangan Penerangan

Karangan jenis penerangan disebut juga karangan eksposisi atau disebut juga karangan bahasan, yaitu karangan yang membahas atau menerangkan sesuatu.

Membahas mengandung berbagai kegiatan, seperti merumuskan, menghuraikan, membandingkan, menghubungkan, mentafsirkan, menilai, menyimpulkan. Karangan jenis ini bertujuan menyampaikan informasi kepada khalayak (pembaca). Dengan demikian karangan ini berorientasikan maklumat (Keraf, 1995).

1.8.7 Penguasaan

Peningkatan prestasi yang ditunjukkan selepas melalui satu jangka masa proses pengajaran dan pembelajaran. Tahap penguasaan ditunjukkan melalui markah yang diperoleh selepas hasil karangan disemak menggunakan Skema Pemarkahan Komunikatif (Hashim 2006; Norafandi, 2003).

1.8.8 Bahasa Indonesia

Bahasa Indonesia ialah bahasa kebangsaan (nasional), bahasa pengantar di sekolah mulai sekolah rendah sehingga pengajian tinggi dan merupakan bahasa kedua bagi sebagian besar murid Indonesia (Departemen Pendidikan Nasional, 2004).

1.8.9 Bahasa Sunda

Bahasa Sunda ialah bahasa ibu bagi sebahagian besar rakyat Provinsi Jawa Barat di mana penyelidikan ini dilakukan. Bahasa ini merupakan bahasa sehari-hari para murid untuk berkomunikasi dengan keluarga dan persekitaran (Soewandi, 1995).

1.8.10 Sekolah Rendah (sekolah dasar)

Peringkat persekolahan formal mulai darjah satu hingga enam, yang menggunakan kurikulum Departemen Pendidikan Nasional Republik Indonesia (Departemen Pendidikan Nasional, 2004).

1.9 Batasan Kajian

Tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengkaji kesan penggunaan pendekatan persidangan dalam pengajaran Bahasa Indonesia dalam menguasai kemahiran menulis komunikatif yang terdiri dari komponen sosiolinguistik, tatabahasa dan wacana pada peringkat sekolah rendah (sekolah dasar). Kajian ini menggunakan kaedah eksperimen kuasi dengan “reka bentuk kawalan tidak serupa”, yang terdiri dari kumpulan murid yang menerima pendedahan pendekatan persidangan dalam kemahiran menulis komunikatif, manakala kumpulan kawalan adalah kumpulan murid yang menerima pembelajaran menulis secara konvensional.

Subjek kajian terdiri dari 112 orang murid darjah enam dari 2 buah sekolah rendah yang mendapat bantuan penuh kerajaan. Seramai 50 orang murid merupakan kumpulan eksperimen (rawatan) dan 62 orang murid sebagai kumpulan kawalan. Kawasan kajian dibataskan di kawasan Kabupaten Bandung, iaitu kawasan luar bandar di provinsi (negeri) Jawa Barat-Indonesia.

Aspek kajian akan dihadkan kepada kaitan antara pendekatan pengajaran yang dipilih guru (pendekatan persidangan) dengan peningkatan penguasaan kemahiran menulis dari perspektif komunikatif dalam kalangan murid sekolah rendah berdasarkan